

Poverty Eradication and Entrepreneurship Development through Productive Welfare in Malaysia

Pembasmian Kemiskinan dan Pembangunan Keusahawanan Melalui Kebajikan Produktif di Malaysia

Zakiyah Jamaluddin*, Norzalinda Mohd Ali Hanafiah

School of Applied Psychology, Social Work and Psychology, Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok, Kedah, Malaysia

*Corresponding author: zakiyah@uom.edu.my

Article history: Received: 03 December 2020 Received in revised form: 30 March 2021 Accepted: 31 March 2021 Published online: 30 April 2021

Abstract

Productive Welfare and 2 Years Exit Policy (2YEP) approach was established by the Department of Social Welfare Malaysia (JKMM) aim to help clients towards independent living and able to continue their life without relying on financial assistance given by JKMM. The aim of this study is to identify the factors of client engagement and problems faced within implementing entrepreneurship program through “Geran Pelancaran” provided by JKM. Survey methods using questionnaires has been used in this study. A total of 234 respondents were involved in this study through purposive sampling, including 107 respondents from the Northern Zone, and 127 respondents from the Eastern Zone, out of 17 Social Welfare District Offices (PKMD) in both zones. Results showed that the majority of respondents engaged in their own business (85%), especially in food and beverage types business (58.1%). For engagement factors in entrepreneurship, the high mean value is shown by family-bearing items (4.45), deep interest (4.34), and a desire to be independent (4.33). Overall, the mean for respondents' involvement factors are at a moderate to high level. Respondents also faced some problems before and within doing business especially financial problems, lack of revolving capital, and products that remain unsold. The productive welfare approach and 2 Years Exit Policy (2YEP) program supposed to help increasing revenue and reduce clients' dependency on JKM's assistance. However, this study found that 84% of the respondents still has income below the poverty line. Thus, reviewing of the program and continuous monitoring can help clients increase their motivation and thus eradicate poverty among the clients.

Keywords: “2 Years Exit Policy” (2YEP), entrepreneurship, financial assistance, poverty eradication, productive welfare.

Abstrak

Pendekatan Kebajikan Produktif dan 2 Years Exit Policy (2YEP) yang diwujudkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) adalah bertujuan untuk menolong klien berdikari dan dapat meneruskan kehidupan mereka tanpa bergantung selama-lamanya kepada bantuan JKMM. Kajian ini bertujuan mengenalpasti faktor penglibatan klien dan masalah yang dihadapi dalam melaksanakan program keusahawanan melalui bantuan Geran Pelancaran yang disediakan oleh JKM. Kaedah tinjauan iaitu borang soal selidik telah digunakan dalam kajian ini. Seramai 234 responden terlibat dalam kajian ini melalui kaedah persampelan purposif iaitu 107 responden dari Zon Utara, dan seramai 127 orang responden dari Zon Timur, daripada sebanyak 17 buah Pejabat Daerah Kebajikan Masyarakat (PKMD) di kedua-dua zon tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden berniaga sendiri (85%), terutamanya dalam perniagaan jenis makanan dan minuman (58.1%). Bagi faktor penglibatan dalam keusahawanan, nilai min yang tinggi ditunjukkan oleh item menanggung keluarga (4.45), minat yang mendalam (4.34), dan keinginan untuk berdikari (4.33). Secara keseluruhan, min bagi faktor-faktor penglibatan responden berada pada tahap sederhana ke tinggi. Responden turut menghadapi beberapa masalah sebelum dan ketika menjalankan perniagaan terutamanya masalah kewangan, kurang modal pusingan, dan jualan yang tidak habis atau tidak laku. Pendekatan kebajikan produktif dan program 2 Years Exit Policy (2YEP) diharapkan sedikit sebanyak dapat membantu menambahkan pendapatan dan mengurangkan kebergantungan klien terhadap bantuan JKM. Namun, hasil kajian ini menunjukkan bahawa pendapatan 84% responden masih lagi berada di bawah paras garis kemiskinan. Justeru, penilaian semula program dan pemantauan yang berterusan dapat membantu klien meningkatkan motivasi mereka dan seterusnya dapat membasmi kemiskinan dalam kalangan klien JKM.

Kata kunci: “2 Years Exit Policy” (2YEP), bantuan kewangan, keusahawanan, pembasmian kemiskinan, kebajikan produktif, penerima bantuan.

© 2021 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Kadar kemiskinan di Malaysia telah berjaya dikurangkan daripada 52.4% pada tahun 1970 kepada 3.8% pada tahun 2009 (Siti Hadijah & Roslan, 2011), menurun kepada 0.6% pada tahun 2014 (Chamhuri, Siti Zalikha & Mohd Khairi, 2015), dan data terkini menunjukkan ia

kekal berada di paras 0.6% pada tahun 2016 (Rancangan Malaysia Kesebelas, 2015; Azuraliza, 2020; Ravallion, 2020). Manakala purata pendapatan bagi golongan isi rumah terendah atau B40 didapati telah meningkat daripada RM1,440 pada tahun 2009 kepada RM2,300 pada tahun 2015 (Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2010; Siti Hadijah & Roslan, 2011) dan seterusnya meningkat kepada RM4,360 pada tahun 2017 (Azuraliza, 2020). Walaupun kadar kemiskinan telah berjaya dikurangkan dan purata pendapatan golongan B40 telah meningkat, namun golongan miskin dan termiskin masih lagi bergantung kepada bantuan wang yang disalurkan oleh kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Adalah sukar untuk mendapatkan jumlah penerima bantuan JKM yang tepat, memandangkan setiap negeri menyimpan rekod masing-masing. Namun kebiasaannya data tentang golongan miskin boleh dirujuk melalui sistem pangkalan data keluarga miskin dikenali sebagai eKasih, yang diwujudkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri, bagi membantu merancang, menjalankan dan memantau program kemiskinan. Pendapatan isi rumah di bawah paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2007 iaitu RM830 di Semenanjung Malaysia, RM1,090 di Sabah dan RM920 di Sarawak telah dijadikan asas kelayakan dalam sistem eKasih (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2015). Isi rumah yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan di kawasan luar bandar dan RM1,500 di kawasan bandar juga layak mendaftar dan dimasukkan ke dalam sistem eKasih (Jabatan Kebajikan Masyarakat Kedah, 2015). Berdasarkan statistik JKM yang terkini, berlaku peningkatan jumlah penerima bantuan antara tahun 2005 – 2014 iaitu daripada 161,229 kes pada tahun 2005 kepada 492,607 pada tahun 2014. Ini mengakibatkan implikasi kewangan JKM meningkat daripada RM189,510,738 pada tahun 2005 kepada 1,461,518,435 pada tahun 2014 (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Akhbar Sinar Harian (2 September 2020) melaporkan bahawa terdapat seramai 500,000 klien JKM yang menerima bantuan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM150 juta sebulan. Secara tidak langsung ia menjadi beban kewangan kepada pihak JKM.

Bantuan kewangan yang diberikan oleh JKM bertujuan untuk memenuhi keperluan hidup, peningkatan taraf hidup dan sebagai elaun galakan kepada kumpulan sasar (misalnya Orang Kurang Upaya, Ibu Tunggal, dan klien JKM yang lain seperti pelatih di Asrama Akhlak). Objektif utamanya adalah untuk menolong individu atau keluarga yang berpendapatan rendah dan miskin untuk meringankan beban kewangan mereka sehingga dapat berusaha sendiri tanpa bergantung kepada bantuan JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020).

Dalam usaha menggalakkan penerima bantuan untuk berdikari, maka pendekatan kebajikan produktif atau "*Productive Welfare*" telah dirancang pada tahun 2010 oleh JKM. Kebajikan produktif memberi penekanan kepada perubahan sikap individu daripada suka bergantung kepada berdikari, etika kerja positif, motivasi diri, mencari pengetahuan dan kemahiran baru atau meningkatkan kemahiran sedia ada. Secara tidak langsung pendekatan ini dapat mentransformasi sikap dan jati diri penerima bantuan daripada terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan kepada individu yang berkebolehan, yakin terhadap diri sendiri, dan berusaha sendiri (Zakiah & Norzalinda, 2018; Zakiah & Norzalinda, 2020; Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020).

Kebajikan produktif menggariskan beberapa objektif yang perlu dicapai iaitu pertama, untuk membantu klien penerima bantuan JKM ke arah hidup yang berdikari. Kedua, mengeluarkan klien penerima bantuan kebajikan daripada sistem eKasih. Manakala yang ketiga, membantu penerima bantuan mencipta peluang menjana sumber pendapatan yang melepasi garis kemiskinan. Keempat pula adalah untuk mewujudkan jaringan kerjasama dalam pelbagai sektor awam dan swasta bagi menggalakkan klien berdikari (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020).

Selain itu, kebajikan produktif juga mengambil kira aspek peningkatan motivasi klien penerima bantuan agar lebih bersedia untuk bekerja terutamanya menceburkan diri dalam sektor keusahawanan. Mereka akan diberi latihan kemahiran yang bersesuaian dengan keupayaan mereka. Klien akan dipantau secara berterusan supaya tidak kembali kepada bantuan kebajikan untuk saraan hidup. Dalam memastikan agar objektif ini tercapai, maka JKM berhasrat agar klien yang terlibat dalam kebajikan produktif akan dapat dikeluarkan daripada senarai penerima bantuan bulanan JKM. Ini sejajar dengan hasrat JKM agar klien dapat dipulihkan dan mampu berdikari dalam tempoh 2 tahun melalui polisi yang dinamakan sebagai "2 Years Exit Policy" (2YEP). Salah satu strategi kebajikan produktif ini ialah dengan pemberian Geran Pelancaran sebanyak RM2,700 sekaligus kepada klien yang ingin menjalankan aktiviti keusahawanan (Zakiah & Norzalinda, 2018; Zakiah & Norzalinda, 2020; Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020, Putri, Khairuddin, Nur Aira, & Mohd, 2020). Empat kriteria yang diambilkira sebagai klien produktif ialah berdasarkan kesihatan fizikal dan mental, berumur di antara 18 hingga 55 tahun, berupaya untuk bekerja dan bermotivasi tinggi, serta boleh berdikari. Sehubungan itu, keutamaan diberikan kepada klien yang telah memulakan projek atau perniagaan dan juga kepada tiga kategori penerima bantuan berikut, iaitu Bantuan Am, Bantuan Kanak-kanak (BKK), dan Elaun Pekerja Cacat (EPC) iaitu prioriti kepada penerima berpendapatan di antara RM900-RM1200 sebulan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016).

Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti sama ada objektif kebajikan produktif dapat dicapai iaitu untuk mengurangkan kebergantungan klien terhadap bantuan kewangan dan menggalakkan mereka berdikari dengan cara menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Dalam masa yang sama, kajian ini cuba untuk mengenalpasti sebarang permasalahan yang dihadapi oleh penerima bantuan yang cuba menjadi usahawan.

Fokus kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor penglibatan klien dan masalah yang dihadapi dalam melaksanakan program keusahawanan. Kajian ini melibatkan penerima bantuan Geran Pelancaran (GP) yang diberikan oleh JKM kepada klien mereka khususnya ibu tunggal dan golongan OKU.

■ 2.0 ULASAN KARYA

Kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal berlaku disebabkan faktor bilangan tanggungan yang ramai, tidak bekerja, kurangnya taraf pendidikan, faktor usia, melakukan kerja yang tidak menghasilkan pendapatan lumayan, dan tidak mencari sumber pendapatan tambahan (Nor Aini, 2008). Hasil kajian Nor Aini (2008) juga mendapati kemiskinan didapati banyak berlaku di Kedah, Terengganu dan Kelantan dan kebanyakan mereka tinggal di kawasan luar bandar. Pada tahun 2002, kadar kemiskinan di tiga negeri tersebut mencatat jumlah sebanyak 12.4% bagi Negeri Kelantan, dan 10.7 % bagi Negeri Kedah serta Terengganu. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM8), didapati antara 11 % - 13 % golongan miskin tinggal di luar bandar (Rancangan Malaysia Kelapan, 2001).

Terdapat beberapa cabaran kepada wanita seperti kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh yang masih rendah dan kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal terutama di kawasan luar bandar, sepertimana yang dinyatakan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita

oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2009). Kajian yang dibuat oleh Hisrich dan Brush (1984) mendapati kebanyakan usahawan wanita menghadapi beberapa masalah kekurangan terutamanya dari segi latihan perniagaan, pengalaman pengurusan, pengalaman kemahiran kewangan dan pemasaran.

Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2015) telah melancarkan Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal 2015-2020 di mana objektif utamanya adalah untuk memperkasa ekonomi ibu tunggal melalui peningkatan kesedaran dan komitmen pihak yang berkepentingan, mempertingkatkan kesejahteraan sosial ibu tunggal, serta meningkatkan penyelidikan dan penyelarasan pembangunan mengenai ibu tunggal. Terdapat beberapa langkah untuk memperkasa ibu tunggal iaitu meningkatkan penglibatan ibu tunggal yang bekerja sepenuh masa dan juga yang sedang bekerja atau tidak bekerja. Di samping itu, ibu tunggal juga digalakkan untuk meningkatkan lagi pengetahuan dalam bidang keusahawanan, kemahiran dan peluang untuk membuat pinjaman perniagaan, membantu memasarkan produk dan perkhidmatan, serta menyebarkan maklumat insentif pemerkasaan ekonomi yang sedia ada (Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2015).

Manakala bagi OKU pula, pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai polisi dan undang-undang yang mampu memberi peluang pekerjaan kepada golongan OKU. Sejalan dengan itu, Akta 685, Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10/1998 iaitu akses kepada pekerjaan telah diwujudkan untuk memperkasa golongan OKU. Ia kemudian dipertingkatkan menerusi Pekeliling Bil 3/2008 yang dikuatkuasakan pada 1 April dalam sektor kerajaan. Manakala bagi sektor swasta pula, polisi untuk OKU telah tertubuh di bawah Jabatan Tenaga Kerja pada tahun 1990. Kaedah ini merupakan satu daripada usaha kerajaan untuk membantu golongan OKU yang gagal memperoleh pekerjaan (Khoo, Ta, & Lee, 2012; Ang, 2014).

Hasil kajian Khoo et al. (2012) menyatakan Malaysia masih lagi kurang dan ketinggalan dalam peluang pendidikan dan pekerjaan kepada OKU. Kebanyakan pelajar OKU menyatakan rasa ketidakpuasan hati mengenai peluang penempatan dan pekerjaan kepada OKU, persepsi negatif dan juga skop pekerjaan yang tidak bersesuaian dengan keupayaan OKU (Mohd, 2009). Manakala majikan pula berpandangan bahawa OKU tidak akan dapat memenuhi kehendak organisasi akibat masalah kesihatan serta pengambilan pekerja OKU melibatkan kos yang tinggi sekiranya pekerja memerlukan latihan (Zinaida, 2006).

Selain itu, sikap golongan OKU yang sering berfikir negatif terhadap peluang pekerjaan mahupun perniagaan telah membuat mereka hilang keyakinan diri dan kepercayaan (Hall, 2010). Sikap negatif golongan OKU ini menyebabkan golongan pekerja yang normal lebih diberi peluang oleh majikan untuk menjawat sesuatu pekerjaan. Kegagalan OKU untuk mendapatkan pekerjaan juga dikatakan berpunca daripada kurangnya pengetahuan dan pendidikan majikan berkaitan OKU. Pengetahuan yang lebih mendalam tentang OKU dapat meningkatkan peluang OKU untuk diterima bekerja berdasarkan kesetiaan mereka kepada organisasi (Houtenville & Kalargyrou, 2011).

Kajian Radieah dan Hamoon (2018) terhadap 53 orang peserta 1AZAM di Pulau Pinang mendapati bahawa pendapatan responden meningkat setelah menyertai program. Namun, beberapa kelemahan telah dikenalpasti iaitu prestasi petunjuk utama (KPI) yang lebih rendah daripada PGK iaitu RM300 (KPI) berbanding RM980 (PGK), pembaziran dana (pemberian peralatan yang tidak selari dengan keadaan peserta program) dan kelemahan dalam sistem eKasih (tidak menggambarkan keadaan kemiskinan sebenar peserta eKasih). Zurinawaty, Nur Saadah dan Nor Jana (2020) meneliti tentang tahap dan hubungan kesejahteraan, tingkah laku dan pengalaman kewangan dalam kalangan penerima bantuan kebajikan produktif. Seramai 300 orang responden yang terdiri daripada peserta AZAM Tani FAMA terlibat sebagai sampel kajian. Kajian mereka mendapati bahawa tahap kesejahteraan kewangan responden (97.3%) adalah di tahap sederhana. Selain itu, terdapat peningkatan pendapatan selepas menyertai program AZAM Tani iaitu sebanyak 35.7% telah mendapat pendapatan di antara RM2001-RM3000 sebulan, berbanding 8.7% sebelum menyertainya. Pengkaji turut menyimpulkan bahawa masih terdapat kelemahan dari segi tingkah laku dan pengetahuan terhadap kewangan dan perlu dibimbing oleh pekerja sosial khususnya di JKM.

Beberapa kajian yang meneliti tentang kajian projek rintis program 2YEP mendapati bahawa ia suatu program yang telah memberi faedah bukan sahaja kepada penerima bantuan JKM, malahan kepada pihak JKM sendiri dan wajar diteruskan (Sharifah, et al., 2017; Noraida, et.al., 2018, Khairul, 2019; Putri et.al., 2020). Program 2YEP Fasa 1 (2016-2018) telah berjaya menjimatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM1.9 juta setahun dengan seramai 575 klien JKM telah ditamatkan bantuan bulanan mereka (Noraida, et.al., 2018) dan meningkat kepada 674 orang pada tahun 2019 (Khairul, 2019).

■ 3.0 METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Berdasarkan statistik JKM (2012), secara keseluruhannya terdapat seramai 527 penerima GP di seluruh Malaysia. Populasi dalam kajian ini ialah penerima bantuan GP di JKM Zon Utara (Perlis, Kedah dan Pulau Pinang) dan Zon Timur (Terengganu, Kelantan dan Pahang). Penerima GP di zon lain tidak dilibatkan dalam kajian ini memandangkan ia merupakan skop kajian berdasarkan kelulusan yang diberikan melalui geran FRGS oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Keseluruhan populasi bagi kesemua JKM tersebut adalah seramai 377 orang klien. Dalam kajian ini, persampelan bertujuan (purposif) digunakan iaitu hanya mereka yang menerima bantuan GP dan bersetuju untuk diambil sebagai responden sahaja yang dipilih. Oleh yang demikian, hanya seramai 234 klien JKM yang hadir semasa proses pengutipan data dilakukan di setiap Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang terlibat serta bersetuju untuk terlibat sahaja yang diambil sebagai responden dalam kajian ini.

Borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian. Soal selidik ini mengandungi maklumat tentang demografi, maklumat perusahaan dan perniagaan, faktor penglibatan, dan masalah-masalah yang dihadapi oleh klien. Borang soal selidik dibina dan diubahsuai daripada soal selidik Thuaiyah @ Suaibah, Azlah, Hishamuddin, Rozeyta, Syaharizatul dan Rossilah (2004). Perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*) versi 24 telah digunakan untuk menganalisis data. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis statistik deskriptif iaitu melibatkan penganalisisan menggunakan peratusan dan min serta analisis statistik inferensi yang melibatkan korelasi Pearson, ANOVA dan Ujian t. Namun, hanya analisis yang melibatkan peratusan dan min sahaja yang dilaporkan bagi tujuan penerbitan artikel ini.

■4.0 HASIL KAJIAN

Profil Demografi Responden

Sebanyak 17 buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di Zon Utara dan Zon Timur, Semenanjung Malaysia. Zon Utara terdiri daripada JKMN Perlis, empat PKMD di Kedah dan dua PKMD di Pulau Pinang terlibat dalam kajian ini. Manakala Zon Timur pula terdiri daripada empat buah PKMD di Kelantan sebanyak, tiga PKMD di Terengganu dan tiga PKMD di Pahang. Seramai 234 responden terlibat dalam kajian iaitu 107 responden dari Zon Utara, dan seramai 127 orang responden dari Zon Timur. Butiran terperinci responden dapat dilihat dalam Jadual 1.

Jadual 1 Jumlah Responden Berdasarkan PKMD daripada Zon Utara dan Zon Timur

Negeri	Frekuensi	Peratus
Perlis (JKMN)	40	17.0
Jumlah	40	17.0
Kedah		
PKMD Alor Setar	8	3.4
PKMD Kubang Pasu	9	3.8
PKMD Pendang	11	4.7
PKMD Kuala Muda	15	6.4
Jumlah	43	18.3
Pulau Pinang		
PKMD Seberang Perai Tengah	8	3.4
PKMD Seberang Prai Utara	16	6.8
Jumlah	24	10.2
Kelantan		
PKMD Kota Bharu	10	4.3
PKMD Bachok	13	5.5
PKMD Pasir Mas	10	4.3
PKMD Tanah Merah	10	4.3
Jumlah	43	18.4
Terengganu		
PKMD Kuala Terengganu	8	3.4
PKMD Hulu Terengganu	18	7.7
PKMD Kemaman	19	8.1
Jumlah	45	19.2
Pahang		
PKMD Jerantut	10	4.2
PKMD Temerloh	15	6.4
PKMD Lipis	14	6.0
Jumlah	39	16.6
Jumlah keseluruhan	234	100.00

Jadual 2 menunjukkan profil responden merangkumi jantina, umur, bangsa, agama, status perkahwinan dan tahap pendidikan. Dari segi jantina, seramai 72 orang responden (30.8%) terdiri daripada lelaki dan 162 orang (69.2%) adalah perempuan. Dari segi umur, majoriti (38.9%) berumur di antara 41-50 tahun, 31.2% berumur di antara 31-40 tahun, manakala yang paling sedikit (0.4%) berumur 20 tahun ke bawah.

Dalam kajian ini, seramai 226 (96.6%) responden adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam, dua orang responden (0.9%) berbangsa Cina dan beragama Buddha, dan enam orang responden (2.6%) responden berbangsa India dan beragama Hindu. Majoriti responden (44.0%) adalah berkahwin, manakala 37.6% merupakan ibu tunggal. Dari segi tahap pendidikan, seramai enam orang responden (2.6%) tidak pernah bersekolah, 37 orang responden (15.8%) mempunyai pendidikan sekolah rendah, 163 orang responden (69.7%) lulusan sekolah menengah, 15 orang responden (6.4%) memiliki tahap pendidikan di kolej/diploma, manakala empat orang responden (1.7%) memiliki tahap pendidikan dari Universiti dan selebihnya seramai 9 orang (3.8%) mempunyai tahap pendidikan lain-lain.

Jadual 2 Demografi Responden

Demografi Responden	Frekuensi	Peratus
Jantina		
Lelaki	72	30.8
Perempuan	162	69.2
Jumlah	234	100.0
Umur		
20 tahun ke bawah	1	0.4
21-30 tahun	32	13.7
31-40 tahun	73	31.2
41-50 tahun	91	38.9
51 ke atas	37	15.8
Jumlah	234	100.0
Bangsa		
Melayu	226	96.6
Cina	2	0.9
India	6	2.6
Jumlah	234	100.00
Agama		
Islam	226	96.6
Buddha	2	0.9
Hindu	6	2.6
Jumlah	234	100.0
Status Perkahwinan		
Bujang	39	16.7
Berkahwin	103	44.0
Duda	4	1.7
Janda	88	37.6
Jumlah	234	100.0
Tahap Pendidikan		
Tidak pernah bersekolah	6	2.6
Sekolah rendah	37	15.8
Sekolah menengah	163	69.7
Kolej/diploma	15	6.4
Universiti	4	1.7
Lain-lain	9	3.8
Jumlah	234	100.0

Maklumat Perusahaan dan Perniagaan

Bahagian ini memaparkan maklumat berkaitan dengan perusahaan dan perniagaan responden. Ia berkait dengan kaedah perusahaan dan perniagaan, jenis perusahaan dan perniagaan, tempoh menjalankan perniagaan, umur semasa memulakan perniagaan, tempoh pengalaman perniagaan, dan pendapatan bersih. Jadual 3 menunjukkan maklumat berkaitan kaedah perusahaan dan perniagaan yang dijalankan oleh responden. Hasil kajian mendapati kebanyakan penerima GP iaitu sebanyak 85% berniaga sendiri. Manakala selebihnya adalah berkongsi dengan rakan (5%), berniaga *online* (2%) dan juga menjalankan lain-lain perniagaan (8%).

Jadual 3 Kaedah Perusahaan dan Perniagaan

Kaedah Perusahaan dan Perniagaan	Frekuensi	Peratus
Berniaga Sendiri	199	85
Berkongsi dengan rakan	12	5
Berniaga <i>Online</i>	5	2
Lain-lain	18	8
Jumlah	234	100

Jenis perusahaan dan perniagaan yang dijalankan oleh responden ditunjukkan dalam Jadual 4. Majoriti responden (58.1%) menjalankan perusahaan dan perniagaan berasaskan makanan dan minuman. Manakala 12.8% terlibat dalam perniagaan berasaskan kain dan pakaian iaitu membuka kedai jahit, 6% mengusahakan kedai runcit dan 5.6% menjalankan perniagaan berasaskan hasil pertanian, buah-buahan dan sayur-sayuran. Terdapat juga 13.7% responden yang menjalankan lain-lain perusahaan dan perniagaan seperti penternakan, bengkel motosikal, kedai kasut dan makanan sejuk beku (*frozen food*).

Jadual 4 : Jenis Perusahaan dan Perniagaan

Jenis Perusahaan dan Perniagaan	Frekuensi	Peratus
Makanan dan minuman	136	58.1
Kain dan pakaian	30	12.8
Kedai runcit	14	6.0
Hasil pertanian, buah-buahan dan sayur-sayuran	13	5.6
Ubat-ubatan tradisional	2	0.9
Kecantikan	7	2.9
Lain-lain	32	13.7
Jumlah	234	100

Analisis juga dilakukan terhadap tempoh perniagaan yang mempengaruhi kejayaan perniagaan mereka. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan responden menjalankan tempoh perniagaan antara 1-5 tahun (49%), diikuti tempoh perniagaan antara 6-10 tahun (20%), dan menjalankan perniagaan dalam tempoh satu tahun ke bawah (15%). Jadual 5 menunjukkan tempoh perniagaan yang dijalankan oleh responden.

Jadual 5: Tempoh Menjalankan Perniagaan

Tempoh Menjalankan Perniagaan	Frekuensi	Peratus
1 tahun dan ke bawah	36	15
1-5 Tahun	114	49
6-10 Tahun	46	20
11-15 Tahun	16	7
15 tahun dan ke atas	21	9
Jumlah	233	100

N=233

Dalam konteks umur memulakan perniagaan pula (Jadual 6), didapati bahawa majoriti responden memulakan perniagaan dalam lingkungan umur 31-40 tahun (40%), diikuti dalam usia 21-30 tahun (34%) dan dalam usia 41-50 tahun (18%). Terdapat juga responden yang memulakan perniagaan pada usia 20 tahun ke bawah (5%) dan pada usia 51 tahun dan ke atas (3%). Purata umur mereka ialah 35 tahun dengan sisihan piawai sebanyak 7.897.

Jadual 6: Umur Semasa Memulakan Perniagaan

Umur Semasa Memulakan Perniagaan	Frekuensi	Peratus
20 Tahun ke bawah	12	5
21-30 Tahun	80	34
31-40 Tahun	93	40
41-50 Tahun	41	18
51 Tahun dan ke atas	7	3
Jumlah	233	100

N=233

Bagi tempoh pengalaman menjalankan perniagaan pula, hasil kajian mendapati sebanyak 33% responden mempunyai pengalaman perniagaan selama antara 1 hingga 3 tahun. Manakala 25% responden mempunyai tempoh pengalaman antara 4 hingga 6 tahun. Hanya 11% responden mempunyai pengalaman satu tahun ke bawah, sementara 21% responden berpengalaman 10 tahun ke atas. Jadual 7 menunjukkan tempoh pengalaman perniagaan yang dimiliki oleh responden.

Jadual 7: Tempoh Pengalaman Perniagaan

Tempoh Pengalaman Perniagaan	Frekuensi	Peratus
1 tahun dan ke bawah	23	11
1-3 tahun	68	33
4-6 tahun	53	25
7-9 tahun	20	10
10 tahun dan ke atas	43	21
Jumlah	207	100

N=207

Dari segi jumlah pendapatan bersih yang diterima oleh responden dalam sebulan, hasil kajian menunjukkan bahawa seramai 98 orang (42%) responden mendapat pendapatan bersih sebanyak RM500 ke bawah. Diikuti dengan 19 orang responden (8%) memperoleh sebanyak RM 1001-RM 1500 sebulan, seramai 8 orang responden (3%) didapati memperoleh pendapatan sebanyak RM 1501-RM 2000,

selebihnya seramai 11 orang responden (5%) mendapat pendapatan bersih sebanyak RM 2001 dan ke atas. Jadual 8 menunjukkan kadar pendapatan bersih yang diperolehi oleh responden dalam sebulan.

Jadual 8: Pendapatan Bersih

Pendapatan Bersih	Frekuensi	Peratus
RM500 dan ke bawah	98	42
RM501-RM1000	98	42
RM1001-RM1500	19	8
RM1501-RM2000	8	3
RM2001- dan ke atas	11	5
Jumlah	234	100

Faktor-Faktor Penglibatan

Jadual 9 menunjukkan min bagi faktor-faktor penglibatan responden dalam perniagaan. Nilai min paling tinggi ditunjukkan oleh item menanggung keluarga dengan nilai min sebanyak 4.45, diikuti minat yang mendalam dengan nilai min 4.34, dan keinginan untuk berdikari dengan nilai min 4.33. Manakala min yang rendah ditunjukkan oleh item warisan keluarga (2.94) dan gagal memperoleh pekerjaan yang sesuai dengan diri responden (3.32). Secara keseluruhan, min bagi faktor-faktor penglibatan responden berada pada tahap sederhana ke tinggi.

Jadual 9: Faktor-Faktor Penglibatan

Bil	Item	Min
1	Galakan dari keluarga	4.16
2	Desakan hidup	3.48
3	Galakan daripada JKM	4.15
4	Warisan keluarga	2.94
5	Pendedahan dalam perniagaan	4.09
6	Geran Pelancaran yang mencukupi	3.76
7	Minat yang mendalam	4.34
8	Pengalaman yang mencukupi	3.71
9	Ingin berdikari	4.33
10	Mempunyai kemahiran dalam perniagaan	3.88
11	Ingin wang lebih	4.28
12	Pekerjaan yang terjamin	4.17
13	Menanggung keluarga	4.45
14	Lebih masa pada diri sendiri dan keluarga	4.15
15	Gagal peroleh pekerjaan yang sesuai	3.32

Masalah-masalah yang Dihadapi oleh Responden dalam Perniagaan

Hasil dapatan kajian mendapati terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh responden sama ada sebelum mahupun selepas menjalankan perniagaan. Masalah yang paling banyak dihadapi oleh responden semasa memulakan perniagaan ialah masalah kewangan (216 orang responden), masalah kekurangan modal pusingan (206 orang responden) dan masalah berkaitan dengan perniagaan iaitu jualan yang tidak habis atau tidak laku (151 orang responden).

Sementara masalah yang paling banyak dihadapi pada masa sekarang pula ialah masalah kekurangan modal pusingan (122 orang responden), masalah kewangan (112 orang responden) dan masalah berkaitan dengan perniagaan iaitu jualan yang tidak habis atau tidak laku (91 orang responden). Namun, jika dilihat dalam Jadual 10, didapati bahawa masalah yang dihadapi ketika memulakan perniagaan telah dapat diatasi kini, berdasarkan penurunan jumlah responden yang menghadapinya. Secara tidak langsung, ia menggambarkan bahawa responden berupaya mengurangkan masalah-masalah yang dihadapi dalam menjalankan perniagaan mereka.

Jadual 10: Masalah-Masalah yang Dihadapi

Masalah-masalah yang dihadapi	Semasa memulakan perniagaan		Sekarang	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Masalah kewangan	216	12	112	106
Masalah kekurangan modal pusingan	206	18	122	96
Masalah mendapatkan bekalan	115	106	49	164
Masalah pengetahuan	117	106	36	177
Masalah pemasaran	141	80	65	147
Masalah hubungan dengan JKM	40	184	8	206
Masalah hubungan dengan pembekal	65	152	23	189
Masalah berkait dengan perniagaan (jualan tidak habis @ tidak laku)	151	72	91	126
Masalah mendapatkan khidmat nasihat tentang perniagaan	132	91	64	153
Masalah hubungan dengan pelanggan	72	152	18	197
Masalah pembahagian masa antara keluarga dan perniagaan	102	123	53	166

5.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa majoriti responden mengusahakan sendiri perniagaan mereka dan banyak menceburkan diri dalam sektor makanan dan minuman. Ini selari dengan kajian Thuaibah et.al. (2004; 2007) iaitu responden kajiannya yang merupakan ibu tunggal, majoritinya berniaga sendiri dan lebih banyak menceburkan diri dalam perniagaan jenis makanan dan minuman. Kedaan ini mungkin disebabkan oleh latar belakang ibu tunggal dan OKU itu sendiri yang memudahkan mereka untuk berniaga sendiri dan kurang melibatkan kerjasama atau rakan kongsi dengan orang lain, serta perniagaan jenis makanan dan minuman yang mudah untuk mereka selenggarakan.

Dengan hanya 5% responden yang memperoleh pendapatan RM20001 ke atas dalam kajian ini, adalah jauh lebih rendah berbanding kajian Zurinawaty, Nur Saadah dan Nor Jana (2020) yang menunjukkan 35.7% telah mendapat pendapatan di antara RM2001-RM3000 sebulan. Justeru, masih banyak yang perlu ditingkatkan oleh responden, terutama dari segi strategi pemasaran dan bengkel-bengkel keusahawanan yang boleh membantu mereka meningkatkan lagi jumlah pendapatan. Sepertimana yang dinyatakan oleh Radieah dan Hamoon (2018) walaupun pendapatan responden meningkat setelah menyertai program, namun masih lagi rendah daripada PGK (RM980). Sepertimana mana yang dinyatakan oleh mereka, hasil dapatan kajian mereka dan kajian ini juga menunjukkan kelemahan dalam sistem eKasih iaitu tidak menggambarkan keadaan sebenar kemiskinan yang dialami oleh penerima bantuan JKM.

Jika dibandingkan dengan kajian Thuaibah et.al. (2004), mereka mendapati bahawa faktor sebagai sumber pendapatan, minat dan sebagai kerja sampingan menjadi faktor utama penglibatan ibu tunggal dalam keusahawanan. Sementara hasil kajian Thuaibah et.al. (2007) pula mendapati bahawa minat yang mendalam, cita-cita untuk menjadi usahawan serta ingin menyara keluarga adalah faktor paling utama menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Dalam kajian ini pula, faktor minat dan tanggungjawab untuk menanggung keluarga adalah perkara paling utama mengapa responden melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan. Jelas sekali bahawa kajian ini dan kajian-kajian lepas mendapati bahawa faktor dalaman adalah faktor paling penting penglibatan dalam keusahawanan. Dengan adanya sikap yang positif dan tanggungjawab akan meningkatkan lagi motivasi mereka untuk terlibat dalam bidang keusahawanan.

Namun, jika dilihat dalam Jadual 10, didapati bahawa masalah yang dilalui semasa memulakan perniagaan telah dapat diatasi kini berdasarkan penurunan jumlah responden yang menghadapinya. Secara tidak langsung, ia menggambarkan bahawa responden berupaya mengurangkan masalah-masalah yang dihadapi dalam menjalankan perniagaan mereka. Kajian Thuaibah (2007) mendapati bahawa masalah utama yang dihadapi oleh golongan usahawan wanita ketika memulakan perniagaan mereka adalah berkaitan dengan aspek kewangan serta pengetahuan dalam bidang pemasaran, termasuk masalah kekurangan modal. Di samping itu, mereka juga menghadapi masalah mendapatkan pinjaman dari pihak kerajaan mahupun swasta. Walau bagaimanapun, Thuaibah (2007) mendapati bahawa masalah yang kerap dihadapi oleh responden dalam kajiannya adalah persaingan yang semakin mencabar dan kurang pengetahuan dalam menggunakan teknologi maklumat.

Secara umumnya kajian ini dan kajian-kajian lepas mendapati bahawa masalah yang dihadapi semasa aktiviti keusahawanan dijalankan telahpun berkurangan berbanding sebelum aktiviti keusahawanan. Secara tidak langsung ia menggambarkan bahawa responden telah berjaya mengatasi masalah mereka semasa menjalankan aktiviti keusahawanan. Ini mungkin berkait rapat dengan faktor-faktor penglibatan mereka dalam keusahawanan yang didorong oleh sikap, tanggungjawab dan motivasi yang tinggi. Walaupun pelbagai cabaran dan halangan yang mereka tempuhi, namun dengan adanya minat yang mendalam serta sikap ingin berdikari, masalah yang dihadapi cuba dan berjaya diatasi.

Walaupun responden kajian menunjukkan perkembangan yang positif dari segi peningkatan pendapatan dan sikap ingin berdikari, namun pihak JKM juga wajar untuk turut sama mengambil peranan bukan setakat memberi bantuan kewangan Geran Pelancaran (GP) semata-mata. Apa yang lebih penting ialah pemantauan secara berkala dan berterusan sepertimana yang disarankan oleh pengkaji-pengkaji lepas (Sharifah, et al., 2017; Noraida, et al., 2018, Khairul, 2019; Putri et al., 2020).

Hasil daripada kajian ini, maka beberapa cadangan dan penambahbaikan diutarakan iaitu pertama, menyediakan satu garis panduan pelaksanaan program secara efektif dan bersesuaian serta memberi manfaat kepada penerima GP. Dalam hal ini, pihak JKM perlulah memainkan peranan penting sebagai pembimbing utama dalam menyalurkan maklumat dan juga mendidik penerima GP dalam segala aspek perniagaan. Ia sedikit sebanyak akan membantu penerima GP memperkasakan lagi kemahiran mereka dan juga memastikan mereka sentiasa mendapat maklumat yang betul. Kedua, pihak JKM melakukan kawalan dan pemantauan secara sistematik yang bertujuan untuk

memastikan kesungguhan penerima GP menjalankan perniagaan di samping mengelak berlakunya usaha sekerat jalan oleh penerima GP. Ketiga, melaksanakan program keusahawanan yang mampu memotivasikan perniagaan. Ini bersesuaian dengan klien iaitu selepas menerima bantuan GP dan program mempromosikan perniagaan mereka pada tahap optimum agar barangan mereka dapat dipasarkan dengan baik.

6.0 KESIMPULAN

Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Mahathir Mohamad pernah mengatakan bahawa menghapuskan kemiskinan amatlah tidak realistik kerana di negara-negara maju atau kaya sekalipun kemiskinan tetap wujud. Menurutnya lagi, masyarakat manusia hanya boleh mengurangkan kadar kemiskinan supaya tidak berlaku kebuluran. Justeru, satu pendekatan yang bersepadu perlulah diambil supaya manusia yang dibelenggu masalah kemiskinan tidak selamanya dibiarkan kekal berada dalam kemiskinan. Ini bermakna usaha dan pendekatan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membasmi kemiskinan melalui pembangunan keusahawanan dan kebajikan produktif adalah bertepatan kerana kualiti hidup dan tahap ekonomi penerima bantuan boleh ditingkatkan demi untuk kemandirian hidup mereka di masa akan datang. Namun, hasil kajian ini menunjukkan bahawa 84% penerima bantuan Geran Pelancaran (GP) masih lagi berada dalam kemiskinan iaitu pendapatan sebulan kurang daripada RM1000 dengan mengambilkira pendapatan garis kemiskinan (PGK) Malaysia RM980 semasa kajian ini dilakukan. Selain itu, 42% penerima bantuan GP berpendapatan kurang daripada RM500 sebulan. Manakala jika dibandingkan dengan PGK 2020 yang telah disemak semula oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mengikut metodologi 2019 iaitu sebanyak RM2,208 sebulan, maka pendapatan klien GP dalam kajian ini adalah jauh lebih rendah berbanding PGK yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa kadar kemiskinan penerima bantuan GP yang menjadi usahawan masih lagi tinggi di mana hampir separuh tergolong sebagai miskin tegar. Dalam erti kata lain, kebajikan produktif masih belum menampakkan keberkesanan yang nyata dalam konteks membasmi kemiskinan klien JKM. Bagi meningkatkan keberkesanan kebajikan produktif, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat hendaklah memulakan langkah proaktif dengan menilai semula keberkesanan kebajikan produktif dan pemantauan yang berterusan oleh staf JKM sendiri. Ini kerana hasil kajian jelas membuktikan bahawa pendekatan ini masih belum mampu untuk membantu klien JKM keluar daripada kepompong kemiskinan terutamanya kemiskinan mutlak.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) yang membiayai kajian ini di bawah skim *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS), kod S/O : 13254, dan juga kepada *Research and Innovation Management Centre* (RIMC), Universiti Utara Malaysia, Kedah yang telah membantu dari segi pentadbiran dan pengurusan kajian ini.

Rujukan

- Ang, MCH. (2014). Do Person with Disabilities Act (2008) and Organization Culture Influence Managerial Intention to Hire Persons with Disabilities: The Malaysia Perspective. *Journal Management*, 41, 81-89.
- Azuraliza, A.B., Rusnita, H., & Nor Shamsiah, S. (2020). Ensemble learning for multidimensional poverty classification. *Sains Malaysiana*, 49(2), 447-459.
- Chamhuri, S., Siti Zalikha, Z. & Mohd Khairi, I. (2015). Kemiskinan dan agihan pendapatan di Malaysia: Status dan kadar kemiskinan mengikut etnik dan strata serta golongan berpendapatan isi rumah 40 peratus terendah (B40). *Prosiding Persidangan Kebangsaan Kecemerlangan Melayu II*. Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu. Armada, Petaling Jaya, 25-26 November.
- Hall, E. (2010). Spaces of social inclusion and belonging for people with intellectual disabilities. *Journal of Intellectual Disability Research*, 54(1), 48-57.
- Harian Metro. (2020). Pendapatan garis kemiskinan kini RM2,208. *Harian Metro*, 10 Julai.
- Hisrich, R. & Brush, C. (1984). The woman entrepreneur: management skills and business problems. *Journal of Small Business Management*, 22, 31-37.
- Houtenville, A. and Kalargyrou, V. (2011). 'People with disabilities: Employers' perspectives on recruitment practices, strategies, and challenges in leisure and hospitality', *Cornell Hospitality Quarterly*, 53(1), 40-52.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Kedah. (2015). Laman web Jabatan Kebajikan Masyarakat Kedah. Dicapai daripada <http://www.jkm.gov.my/>. Tarikh akses: 13 November 2020
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2016). Terma Rujukan Pengurusan Projek Rintis 2 Years Exit Programme. Bahagian Kebajikan Produktif, Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2020). Laman web Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dicapai daripada <http://www.jkm.gov.my/>. Tarikh akses: 13 November 2020
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2009). Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2009. Dicapai daripada <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/PELAN%20TINDAKAN%20PEMBANGUNAN%20WANITA%202009.pdf>. Tarikh akses : 10 November 2020
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2015). Portal Rasmi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dicapai daripada <http://www.kpwkm.gov.my/nkra/definisi>. Tarikh akses: 13 November 2020
- Khairul, A. A. (2019). Keberkesanan Sistem Pengurusan Kes (CMS) Kerja Sosial dalam 2 Years Exit Programme (2YEP) Jabatan Kebajikan Masyarakat', *MASW-JKM-ISM International Social Work Symposium 27 & 28 April*, 229-236.
- Khoo, S., Ta, T., & Lee, L. (2012). The role of the state towards employability of Malaysian PWDs—Myth or reality? *World Academy of Science, Engineering and Technology*, 6(6), 255- 260.
- Mohd, H.A. R. (2009). The study of development programs for the disabled community in Malaysia: The opportunities and problems in education and employment. Disertasi Sarjana Ekonomi, Universiti Malaya (tidak diterbitkan).
- Noraida, I. et al., (2018). 'Kajian penilaian outcome: Program exit bagi penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang produktif', *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 45, 109-118.
- Nor Aini, H.I. (2009). *Wanita dan pembangunan ekonomi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Putri, N. M. T., Khairuddin, I., Nur Aira, A. R., & Mohd, M. A. (2020). Keusahawanan mampan melalui proses pemeriksaan sosioekonomi dalam kalangan usahawan bimbingan program 2 years exit programme yang berjaya di Negeri Sembilan, Malaysia. *Community*, 6(1), 83-91.

- Radieah, M. N., & Hamoon, K.D. (2019). 1AZAM Programme: The challenges and prospects of poverty eradication in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(1), 345–356.
- Rancangan Malaysia Kelapan. (2001). *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- Rancangan Malaysia Kesepuluh. (2010). *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- Rancangan Malaysia Kesebelas. (2016). *Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- Ravallion, M. (2020). Ethnic inequality and poverty in Malaysia since May 1969. Part 2 : Poverty. *World Development*, 134, 1-12.
- Sharifah, N. S. A. R. et al. (2017). Laporan Akhir Kajian Keberkesanan Bantuan Kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat. Serdang, Selangor.
- Sinar Harian. (2020). Implikasi bantuan JKM naik RM1000 sebulan. Sinar Harian, 2 September 2020.
- Siti Hadijah, M. & Roslan, A.H. (2011). Jangka masa keluar daripada kepompong kemiskinan dan ketermiskinan: Kajian Kes di Kedah Darulaman, Malaysia. *IJMS*, 18(2), 217-236.
- Thuaibah @ Suaibah, A.B., Azlah, M.A., Hishamuddin, M.S., Rozeyta, O., Syaharizatul, N.M., dan Rossilah, M.J. (2004). Aktiviti keusahawanan di kalangan ibu tunggal di negeri Johor. Laporan Akhir Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Thuaibah @ Suaibah A. B., Azlah M. A., Rozeyta O., Hishamuddin M. S., & Syaharizatul N. M. (2007). *Penglibatan Kaum Wanita dalam Aktiviti Keusahawanan di Negeri Johor: Kajian Terhadap Faktor-Faktor Kritikal Kejayaan dan Kegagalan Pengendalian Perniagaan*. Laporan Akhir Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Zakiah, J. & Norzalinda, M.A.H. (2018). Poverty eradication through productive welfare approach in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(9), 1186-1192.
- Zakiah, J. & Norzalinda, M.A.H. (2020). Poverty and productive welfare in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(8), 917-923.
- Zinaida, A. (2006). *Kerjaya untuk Orang Kurang Upaya*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd
- Zurinawaty, M., Nur Saadah, M.A., & Nor Jana, S. (2020). Kebajikan produktif: Tahap dan hubungan kesejahteraan, tingkah laku dan pengalaman kewangan dalam kalangan peserta AZAM Tani FAMA. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34(2).